

**PANDANGAN PELAJAR MENGENAI PENGARUH PENILAIAN KURIKULUM  
BAHASA ARAB TERHADAP PENGUASAAN KEMAHIRAN BAHASA ARAB  
DALAM KALANGAN PELAJAR PSMBA DI IPTA MALAYSIA**

**Khairatul Akmar Ab Latif**

(Corresponding Author)

[khairatulakmar@kuis.edu.my](mailto:khairatulakmar@kuis.edu.my)

**Ahmad Redzaudin Ghazali**

[redzaudin@kuis.edu.my](mailto:redzaudin@kuis.edu.my)

**Mohd Rofian Ismail**

[mohdrofian@kuis.edu.my](mailto:mohdrofian@kuis.edu.my)

Jabatan Pengajian Bahasa dan Linguistik Arab

Fakulti Pengajian Peradaban Islam

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

**ABSTRAK**

Makalah ini bertujuan mengenalpasti pandangan para pelajar terhadap pengaruh penilaian kurikulum (النقويم) bahasa Arab bagi Program Sarjana Muda Bahasa Arab (PSMBA) di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia. Kajian dijalankan ke atas 150 orang pelajar yang terlibat dalam Program Sarjana Muda Bahasa Arab (PSMBA) dengan menggunakan teknik persampelan daripada lima buah IPTA yang menawarkan PSMBA. IPTA yang terlibat iaitu UKM, UPM, UM, UIAM dan USIM. Kajian tinjauan dijalankan dengan menggunakan soal selidik. Data-data dihuraikan menggunakan statistik deskriptif peratusan menggunakan perisian SPSS versi 21. Hasil kajian mendapati sebanyak 90.1 peratus pelajar bersetuju dengan penilaian kurikulum yang dilakukan terhadap semua mata pelajaran yang mereka pelajari serta bersesuaian dengan silibus yang diajar kepada mereka. Nilain peratusan tersebut mewakili sebanyak 135 orang pelajar yang menjadi responden bagi kajian ini. Manakala sebanyak 15 orang pelajar atau 9.9 peratus kurang bersetuju dengan penilaian kurikulum yang dijalankan sepanjang pengajian mereka di universiti-universiti terbabit. Terdapat enam faktor tertinggi yang mendorong kepada persetujuan oleh para pelajar tentang kesesuaian penilaian yang dijalankan, manakala terdapat tiga faktor lain pula yang utama membawa kepada ketidak persetujuan mengenai penilaian kurikulum yang diketengahkan oleh para pelajar. Secara kesimpulannya, peratusan yang bersetuju terhadap penilaian kurikulum dalam kajian ini adalah lebih besar daripada peratusan yang tidak bersetuju. Beberapa cadangan turut dikemukakan bagi penambahbaikan dalam penilaian kurikulum PSMBA antaranya penekanan penilaian mestilah dipelbagaikan penilaian tersebut serta dinilai sepanjang sesi pembelajaran berlaku dan tidak hanya tertumpu pada penilaian bertulis sahaja. Dengan kerjasama daripada kedua-dua belah pihak dapat memastikan objektif pembelajaran para pelajar didalam penilaian kurikulum akan dapat dicapai demi

meningkatkan kemahiran berbahasa di samping menguasai ilmu-ilmu asas bahasa Arab dalam kurikulum program bahasa Arab di peringkat Sarjana Muda.

**Kata kunci:** *Penilaian kurikulum pengajaran, Program Sarjana Muda Bahasa Arab (PSMBA), Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)*

## PENDAHULUAN

Penguasaan yang baik dalam kemahiran berbahasa dan ilmu-ilmu bahasa Arab sangat penting bagi pelajar yang mengikuti program pengkhususan bahasa Arab di IPTA. Ini kerana pelajar menghabiskan tempoh masa yang lama iaitu hampir empat hingga lima tahun untuk menyempurnakan pengajian mereka sehingga akhirnya dianugerahkan sekeping sijil menandakan keupaya mereka yang khusus dalam bahasa Arab. Dengan sijil ini juga pelajar berpeluang untuk melangkah lebih jauh ke hadapan bersesuaian dengan kemahiran yang mereka miliki.

Di dalam pembelajaran pelajar, faktor utama yang dilihat adalah pencapaian mereka di dalam setiap subjek pembelajaran. Pencapaian tersebut diukur melalui kaedah penilaian yang dilakukan oleh tenaga pengajar atau pensyarah bagi setiap subjek tersebut.

Terdapat dua penilaian yang dijalankan kebiasaannya oleh para pensyarah iaitu penilaian sepanjang tempoh pembelajaran dan juga penilaian setiap akhir semester pembelajaran. Jadi dengan kaedah penilaian yang baik dapat memastikan dengan tepat pencapaian yang diperoleh oleh para pelajar.

Penilaian yang betul dapat membantu banyak perkara yang berkaitan dengannya seperti dapat memberi cadangan penambakan kepada proses pelaksanaan kurikulum seperti matlamat pembelajaran subjek, isi kandungan subjek serta kaedah pengajaran subjek. Oleh kerana penilaian ini penting bagi pelajar, guru, penggubal kurikulum serta institusi itu sendiri, kajian ini dijalankan untuk melihat kepentingannya melalui maklumat yang diperoleh melalui pandangan para pelajar tentang perjalanan penilaian kurikulum yang dijalankan di institusi yang terlibat.

## PENILAIAN PENGAJIAN (التقويم)

Pelbagai pentakrifan mengenai penilaian silibus dibuat oleh pakar-pakar dalam bidang pendidikan antaranya yang dibuat oleh Tu'aimah (1986). Beliau mengatakan penilaian silibus iaitu himpunan beberapa aktiviti. Apabila melaluinya beberapa maklumat tertentu diperolehi. Penilaian silibus bertujuan memastikan sejauh mana matlamat pembelajaran yang dirancang telah tercapai. Ini diselaraskan dengan Sam'an (1981). Beliau menyatakan bahawa tujuan penilaian pada dasarnya iaitu menjalankan tindakan susulan yang lain selepas mendapat keputusan yang dikehendaki.

### ***Elemen-Elemen Penilaian***

Terdapat beberapa elemen yang menjadi asas dalam pembentukan penilaian. Antaranya iaitu penilaian mesti mempunyai matlamat khusus yang hendak dicapai melalui penilaian tersebut. Penilaian mestilah dalam skop yang menyeluruh dan meliputi setiap aspek yang terlibat. Ini dapat menjamin keseimbangan dalam semua aspek yang terlibat dalam silibus (Qurah 1981). Menurut Zaidan (1990), penilaian silibus hendaklah berpanjangan. Ini bermaksud, ianya tidak hanya berhenti selepas mendapat satu keputusan yang diinginkan sahaja dalam masa yang singkat. Matlamat yang paling penting dalam penilaian kurikulum adalah kesinambungan silibus yang dirancang pada masa datang.

Shauqi (1995) pula berpendapat penilaian mesti berbentuk ilmiah. Segala hasil yang diperoleh mesti dicatat dan direkodkan. Ia bertujuan sebagai rujukan yang amat penting dalam penilaian semula dan sebagai rujukan perbandingan bagi keputusan-keputusan baru yang diperoleh. Selain ilmiah, penilaian silibus juga berbentuk praktikal (Tu'aimah 1986). Bermakna bahawa setiap penilaian yang dilakukan hendaklah sesuatu yang boleh dilaksanakan mengikut masa yang ditetapkan. Ia mempunyai skop pelaksanaan dan menepati apa yang diinginkan dalam penilaian tersebut.

### ***Bentuk-Bentuk Penilaian Silibus***

Barakat (1983) dalam tulisannya membahagikan secara langsung reka bentuk penilaian kepada dua bahagian yang besar iaitu ujian pemahaman dan ujian kecergasan pemikiran. Ujian pemahaman meliputi semua ujian penilaian pemarkahan bagi setiap subjek dalam program pengkhususan. Ia biasa diterjemahkan sebagai ujian penulisan dan ujian lisan. Manakala ujian kecergasan iaitu berbentuk ujian kecerdikan, penilaian, memberi pendapat dan pemerhatian. Ia biasanya digunakan dalam sesi temu duga atau perbincangan dua hala yang menginginkan keputusan yang rasional antara pihak yang terlibat.

### ***Kepentingan Penilaian Silibus***

Perkara asas hasil penilaian silibus iaitu memperbaiki silibus ke arah yang lebih baik. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kepentingan penilaian silibus bahasa Arab yang dinyatakan oleh Yunus dan Naqah (1981). Antaranya menentukan tahap penguasaan pelajar dalam bahasa Arab, membantu mereka dalam memilih program lainnya yang akan mereka sertai dan membantu serta menggalakkan mereka dalam mempertingkatkan kemahiran berbahasa. Manakala Mujawir (1983) menyatakan bahawa kepentingan penilaian silibus adalah untuk mendedahkan aspek kelemahan pelajar dengan cara yang praktikal.

Dengan keputusan penilaian yang diperoleh, pelajar mampu memperbaiki corak pembelajaran dari masa ke semasa. Bagi golongan pelajar, kejayaan pencapaian akademik dilihat dari sistem peperiksaan. Mantan Perdana Menteri Malaysia yang keempat, Tun Dr. Mahathir Mohamed, pernah menyatakan pencapaian dalam peperiksaan akan menentukan maju mundurnya seseorang pelajar itu dalam bidang akademik (Star 1999).

### ***Keberkesanan Penilaian Silibus***

Asasnya, penilaian silibus adalah berdasarkan reka bentuk yang terdapat pada silibus. Ia melibatkan semua elemen yang telah diuraikan sebelumnya. Namun keberkesanan penilaian silibus hanya dapat dilihat melalui keputusan yang diperoleh dalam menilai. Penilaian

dijalankan ke atas aspek-aspek yang terdapat dalam sukatan dan penambahbaikan dalam kaedah penyampaian. Kesemua aspek tersebut adalah bertujuan memperbaiki dan mengetahui tahap pencapaian matlamat asal yang digariskan (Muhammad 1989).

Pendapat lainnya menyatakan bahawa keberkesanan penilaian silibus dapat dilihat berdasarkan tahap kefahaman pelajar terhadap tujuan asas penilaian dibuat (Mar'ie 1983). Tujuan asas iaitu meliputi menguji sejauh mana kefahaman pelajar terhadap sukatan kurikulum, sejauh mana keberkesanan kaedah penyampaian pengajaran, dan setakat mana terlaksana tahap pencapaian matlamat pelajar dan institusi. Apabila penilaian berjalan dengan baik maka boleh membantu pelbagai pihak dalam memperbaiki sukatan, pemilihan kaedah pengajaran dan matlamat yang ingin dicapai serta kurikulum yang lebih berkesan pada masa datang.

## **PERSOALAN KAJIAN**

Kajian ini ingin menjelaskan lagi pandangan para pelajar berkaitan dengan pengaruh sukatan pembelajaran yang terdapat dalam PSMBA. Tumpuan kajian ini dapat dilihat dalam beberapa persoalan kajian yang telah digariskan iaitu:

1. Apakah pendapat para pelajar tentang penilain kurikulum PSMBA.
2. Apakah peratusan tertinggi tentang penilaian kurikulum yang dicapai terhadap PSMBA.
3. Apakah peratusan terendah tentang penilaian kurikulum yang dicapai terhadap PSMBA.
4. Apakah cadangan ke arah penambahbakan terhadap PSMBA.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini adalah berbentuk kajian deskriptif yang melibatkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai menggunakan perisian SPSS versi 19. Para responden terdiri daripada para pensyarah yang mengajar PSMBA di tahun akhir pengajian di 5 Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia yang menawarkan program bahasa Arab iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Putera Malaysia (UPM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Data-data diperolehi melalui kaedah kajian lapangan yang melibatkan pengedaran set soalan soal selidik kepada para responden terbabit seramai 150 orang pelajar yang dikumpul daripada lima universiti yang terlibat didapati bahawa secara keseluruhannya peratus responden (pelajar) yang tertinggi datang dari USIM dengan 38 peratus. Kemudian diikuti oleh UKM 24 peratus, UPM 17.3 peratus dan UIA serta UM masing-masing sebanyak 10 peratus. Manakala pembahagian dari segi jantina pula didapati sebanyak 75.7 peratus adalah perempuan dan selebihnya iaitu 24.3 peratus adalah lelaki. Dari segi umur pula, 83.8 peratus responden terdiri daripada mereka yang berumur 22 hingga 24 tahun. Seramai 14.7 peratus pula terdiri daripada mereka yang berumur 25 tahu ke atas.

Dalam kajian ini nilai jawapan pelajar diberi dalam bentuk peratusan. Nilai tersebut memberikan indikator bahawa semakin tinggi peratus yang diberi menunjukkan semakin positif jawapan sukatan pelajaran tersebut. Manakala jika peratusan yang kurang dari 50 peratus akan menunjukkan jawapan pelajar yang semakin negatif. Aras perbezaan antara keduanya adalah 50.

## PENEMUAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 4.10.1 Data kekerapan dan peratus jawapan pelajar dari aspek faktor luaran (penilaian kurikulum bahasa Arab)

No.	Pernyataan	PELAJAR	
		Kekerapan jawapan bawah 50% /Peratus	Kekerapan jawapan atas 50% /Peratus
d1	Penilaian dilakukan secara berterusan sehingga akhir kurikulum.	12/8	<u>138/92</u>
d2	Soalan, ujian, tugas, amali dan aktiviti yang diberikan menepati kandungan kurikulum	9/6	<u>141/94</u>
d3	Setiap pelajar mengetahui bagaimana penilaian kurikulum dijalankan	8/	<u>142/94.7</u>
d4	Setiap pelajar mengetahui markah penilaian yang diperolehi.	16/	134/89.3
d5	Cara penilaian dipelbagaikan (tidak hanya tertumpu pada peperiksaan sahaja)	12/	<u>138/92</u>
d6	Tugasan yang diberikan dikembalikan semula kepada para pelajar selepas	<u>29/19.3</u>	121/807

d7	penilaian dibuat. Tenaga pengajar mengambil peluang bersama pelajar untuk membincangkan kesalahan yang dilakukan mereka di dalam peperiksaan dan tugas yang diberikan.	<u>20/13.3</u>	130/86.7
d8	Penilaian dilaksanakan seperti yang dirancang.	12/8	<u>138/92</u>
d9	Markah penilaian diumumkan dalam tempoh yang ditetapkan.	<u>18/12</u>	132/88
d10	Terdapat penerangan tentang kaedah penilaian setiap kursus.	12/8	<u>138/92</u>
<b>Purata keseluruhan</b>		<b>15/9.9</b>	<b>135/90.1</b>

Nota: Nilai jawapan pelajar diberi dalam bentuk peratusan (semakin tinggi peratus yang diberi menunjukkan semakin positif jawapan penilaian kurikulum tersebut). Aras perbezaan adalah 50.

## KETERANGAN

Melalui data yang diperoleh daripada jawapan pelajar dalam item faktor luaran "penilaian kurikulum", secara umumnya menunjukkan purata sebanyak 15 jawapan yang mempunyai kekerapan bawah 50% dengan purata peratus sebanyak 9.9 peratus, manakala seramai 135 jawapan daripada para pelajar yang mempunyai kekerapan lebih 50% dengan purata peratus sebanyak 90.1 peratus.

Jawapan para pelajar yang mempunyai kekerapan lebih daripada 50% terbanyak diperoleh daripada kenyataan *Setiap pelajar mengetahui bagaimana penilaian kurikulum dijalankan* seramai 142 orang pelajar dengan nilai sebanyak 94.7 peratus. Kemudian diikuti pula oleh kenyataan *Soalan, ujian, tugas, amali dan aktiviti yang diberikan menepati kandungan kurikulum* seramai 141 orang pelajar yang mewakili sebanyak 94 peratus serta *Penilaian dilakukan secara berterusan sehingga akhir kurikulum, Cara penilaian dipelbagaikan (tidak hanya tertumpu pada peperiksaan sahaja), Penilaian dilaksanakan seperti yang dirancang dan Terdapat penerangan tentang kaedah penilaian setiap kursus* seramai 138 pelajar dengan nilai sebanyak 92 peratus.

Manakala jawapan para pelajar yang mempunyai kekerapan kurang daripada 50% terbanyak diperoleh daripada kenyataan *Tugasan yang diberikan dikembalikan semula kepada para pelajar selepas penilaian dibuat* seramai 29 pelajar telah menjawab jawapan yang sama dengan nilai sebanyak 19.3 peratus. Kemudian diikuti pula dengan kenyataan *Tenaga pengajar mengambil peluang bersama pelajar untuk membincangkan kesalahan yang dilakukan mereka di dalam peperiksaan dan tugasan yang diberikan* dengan 20 orang pelajar yang mewakili sebanyak 13.3 peratus serta *Markah penilaian diumumkan dalam tempoh yang ditetapkan* seramai 18 pelajar dengan 12 peratus.

## CADANGAN DAN PENUTUP

Sebagai penutupnya dinyatakan bahawa tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat sumbangan penilaian kurikulum pembelajaran terhadap pembelajaran para pelajar dalam PSMBA di 5 IPTA di Malaysia yang menawarkan program tersebut.

Jelas sekali sekiranya penilaian pembelajaran yang dirancang menepati dengan objektif pembelajaran, kandungan serta kaedah pembelajaran para pelajar, ini akan memberi kesan dan sumbangan yang besar terhadap kemajuan dan kejayaan para pelajar dalam setiap bidang yang diceburi terutama dalam bidang pembelajaran. Pelajar yang belajar mengikut objektif pembelajaran dan sedar bahawa mereka akan dinilai nanti oleh para penyarah mereka, akan bersikap rajin serta mempunyai keazaman yang kuat untuk mencapai keputusan yang terbaik.

Di samping itu, ia juga turut menggambarkan bahawa kelemahan pencapaian yang dihadapi oleh para pelajar dapat disimpulkan antaranya adalah berpunca dari silibus atau sukatan atau kaedah pembelajaran yang tidak menepati dengan perjalan penggubalan silibus yang baik. Apabila kaedah penilaian kurikulum ini tidak menepati dengan sukatan pembelajaran yang dipelajari seperti ianya terlalu tinggi atau terlalu rendah atau tidak menepati atau tidak memenuhi kehendak pembelajaran mereka, ini akan menyebabkan para pelajar akan bersikap dengan sikap yang negatif seperti malas, cuai, dan sebagainya serta mempunyai tahap motivasi yang rendah dengan semangat yang lemah serta persepsi yang negatif akan menjauhkan lagi mereka untuk turut serta dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan oleh institusi pengajian.

## RUJUKAN

- Abdul Halim Mohamed. (2009). Tahap komunikasi dalam bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education 1(1)*. 1-14. UKM.
- Ahmad Atory Hussain. (2002). *Pengurusan Organisasi*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Crow, L.D. & Crow, A. (1983). *Psikologi Pendidikan untuk Perguruan (terjemahan)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



- Husaini, Muhd Harun. (2007). *Tahlil Kutub Ta'lim Al-Lughah Al-Arabiah Bil Muassasat At-Ta'limiah Al-'Ulya Al-Khassah*. Tesis Dr Fal, Universiti Malaya.
- Ismail Suardi Wekke. (2008). Amalan pendidikan bahasa Arab berasaskan kepelbagaian budaya di pesantren Sulawesi Selatan, Indonesia. Tesis Dr Fal. UKM.
- Jaseem, Ali Jaseem. (1992). *Fi Turuqta'lim Al-Arabiah Li Ghai An-Natiqinbiha*. Kuala Lumpur
- Rahimi, Nik Mohd. (2005). Penilaian kemahiran mendengar dalam kurikulum bahasa Arab komunikasi di Sekolah-sekolah Agama kerajaan negeri. Tesis Dr Fal, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rozmi Ismail. (2011). *Psikologi Sosial*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Fatimah & Ab. Halim. (2010). Persepsi guru terhadap penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi multimedia dalam pengajaran j-QAF. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(2) 2010 53 – 64.